

**PUSAT PENGAJIAN DIPLOMA
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

SPESIFIKASI PROGRAM

Nama Program	Diploma Kejuruteraan Mekanikal serta Teknologi	
Penganugerahan	Diploma Kejuruteraan Mekanikal serta Teknologi	
Tempoh Pengajian	Minimum	Maksi
	6 semester	10 semester

Syarat Kemasukan

Dasar kemasukan bagi mengikuti kursus di fakulti ini berasaskan **syarat minimum** berikut:

1. Calon Iepasan Sijil Persekolahan Malaysia (SPM) atau setaraf

a) Lulus peperiksaan SPM atau setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya lima (5) kepujian termasuk:

- i. Kepujian Bahasa Melayu
- ii. Lulus Bahasa Inggeris

b) Memenuhi Syarat Am Universiti dan Syarat Khas Program:

- i. Kejujian Matematik Tambahan;
- ii. Kejujian Fizik;
- iii. Kejujian Matematik; **dan**
- iv. Mendapat kepujian dalam salah **SATU (1)** mata pelajaran berikut :
 - Kimia
 - Sains Tambahan
 - Pengajian Kejuruteraan Mekanikal
 - Lukisan Kejuruteraan
 - Teknologi Bengkel Mesin
 - Teknologi Penyejukan dan Penyamanan Udara
 - Teknologi Kimpalan dan Fabrikasi Logam
 - Teknologi Automotif
 - Teknologi Elektrik
 - Lukisan Geometri dan Penyamanan Udara
 - Lukisan Geometri dan Mesin
 - Lukisan Geometri dan Automotif
 - Lukisan Geometri dan Elektrik
 - Lukisan Geometri dan Elektronik
 - Lukisan Geometri dan Fabrikasi Logam
 - Kerja Menggegag dan Memesin
 - Kerja Kimpalan
 - Kerja Penyejukan dan Penyamanan Udara
 - Teknologi Maklumat
 - Sains
 - Geografi
 - Perdagangan
 - Ekonomi Asas
 - Pendidikan Seni
 - Prinsip Akaun

SPESIFIKASI PROGRAM

- v. Calon **tidak rabun** dan **tidak cacat anggota** yang menyukarkan kerja amali

2. Calon lepasan Sijil atau setaraf

- a) Minimum lulus dan memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengan mendapat:

- i. Kepujian Bahasa Melayu
- ii. Lulus Bahasa Inggeris

- b) Memenuhi Syarat Am Universiti dan Syarat Khas Program:

Lulus dan memiliki sijil dalam bidang yang berkaitan dari Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia atau yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dengan mendapat sekurang- kurangnya CPA (Purata Himpunan Mata Nilai) 2.70.

Objektif Pendidikan Program (PEO)

Objektif program Diploma Kejuruteraan Mekanikal ialah :

1. Mengaplikasi pengetahuan teori dan amali serta berkemahiran dalam bidang teknologi kejuruteraan mekanikal..
2. Berfikir secara kreatif dan kritis supaya mampu menangani pelbagai cabaran perkembangan teknologi serta mengamalkan budaya ilmu..
3. Menerapkan nilai-nilai murni yang berteraskan kepada pembentukan masyarakat yang berakhlak mulia, berdaya saing dan memiliki ciri-ciri pemimpin..
4. Mengamalkan profesionalisme pada peringkat global dan sesuai dengan keperluan semasa dan hasrat negara.

Hasil Pembelajaran Program (PLO)

Graduan program Diploma Kejuruteraan Mekanikal mempunyai:

1. Mengaplikasi pengetahuan sains dan matematik dalam teknologi kejuruteraan mekanikal..
2. Menggunakan teknik, kemahiran serta alatan berkaitan di dalam bidang teknologi kejuruteraan mekanikal.
3. Berkomunikasi secara berkesan menggunakan perantara yang bersesuaian..
4. Mengenalpasti masalah serta mencari jalan penyelesaian secara berinovatif bagi meningkatkan amalan teknologi kejuruteraan mekanikal
5. Mempratik kerja berpasukan dalam menyelesaikan masalah secara efektif..
6. Beriltizam dalam pembelajaran sepanjang hayat.
7. Mengamal serta mengaplikasikan kemahiran keusahawanan.
8. Memahami tanggungjawab etika dan profession serta komited terhadapnya.
9. Membangunkan potensi diri sebagai individu dan ketua dalam kumpulan secara efektif



SPESIFIKASI PROGRAM

Struktur Program

Bil	Kod	Kursus	Kredit	Kuliah	Tutorial	Amali	JJP
1	UWB10101	English for Academic Purposes	1	1	1	0	1
2	UWB10402	Technical Communication I	2	2	1	0	3
3	UWB20502	Technical Communication II	2	2	1	0	3
4	UWA10502	Akidah Ketuhagnan & Sains	2	2	0	0	2
5	UWA10402/ UWA10202	Pengantar Pengajian Islam/ Pengajian moral	2	2	0	0	2
6	UQ*1**01	Ko-Kurikulum 1	1	0	0	3	3
7	UWS10403	Pengantar Kenegaraan & Pembangunan Malaysia	3	3	0	0	3
8	UWB1**02	Foreign Language	2	2	1	0	3
9	DPK20103	Perniagaan & Keusahawanan	3	3	1	0	4
10	DAS10103	Algebra	3	3	1	0	4
11	DAS10203	Matematik Kejuruteraan I	3	3	1	0	4
12	DAS20403	Matematik Kejuruteraan II	3	3	1	0	4
13	DAS20502	Statistik	2	2	1	0	3
14	DAS14103	Fizik 1	3	2	1	3	6
15	DAS14203	Fizik II	3	2	1	3	6
16	DAS10203	Kimia	3	2	1	3	6
17	DAM20302	Kemahiran Penyeliaan	2	2	1	0	3
18	DAM31303	Pengatucaraan Komputer	3	2	0	3	5
19	DAM10103	Statik	3	3	1	0	4
20	DAM20402	Lukisan kejuruteraan	2	1	0	3	4
21	DAM20503	Termodinamik	3	3	1	0	4
22	DAM20601	Makmal Kejuruteraan I	1	0	0	3	3
23	DAM22403	Teknologi Bahan	3	3	1	0	4
24	DAM20903	Dinamik	3	3	1	0	4
25	DAM21003	Mekanik Pepejal	3	3	1	0	4
26	DAM21201	Makmal Kejuruteraan II	1	0	0	3	3
27	DAM31403	CAD	3	2	0	3	5
28	DAM31503	Mekanik Bendalir	3	3	1	0	4
29	DAM31601	Makmal Kejuruteraan III	1	0	0	3	3
30	DAM31703	Mekanik Mesin	3	3	1	0	4
31	DAM31802	Kejuruteraan Industri	2	2	1	0	3
32	DAM32503	Rekabentuk Kejuruteraan & Industri	3	2	0	3	5
33	DAM32003	Projek Teknologi Kejuruteraan	3	0	0	9	9
34	DAE30303	Asas Elektrik & Elektronik	3	3	1	0	4
35	DAM22602	Teknologi Pembuatan	2	2	1	0	4
36	DAM23904	Latihan Industri (3 bulan/12 minggu)	4	0	0	0	0
37	DAM1**03	Amalan Teknologi *** I	3	1	0	4	6
38	DAM1**03	Amalan Teknologi *** II	3	1	0	4	6
39	DAM2**03	Amalan Teknologi *** III	3	1	0	4	6
40	DAM2**03	Amalan Teknologi *** IV	3	1	0	4	6
41	DAM2**03	Elektif I	3	1	0	4	6
42	DAM3**03	Elektif II	3	1	0	4	6
43	DAM3**03	Elektif III	3	1	0	4	6
			110	78	23	70	178

28	DAM31503	Mekanik Bendalir	x	x				x									
29	DAM31601	Makmal Kejurut.III		x				x									x
30	DAM31703	Mekanik Mesin	x	x				x									
31	DAM32503	Kejuruteraan Industri	x	x		x				x							
32	DAM32503	R' bentuk Kejurut. & Industri	x	x				x									
33	DAM32003	Projek Teknologi Kejuruteraan		x				x					x				x
34	DAE30303	Asas Elektrik & Teknologi Pembuatan	x	x				x									
35	DAM22602	Latihan Industri (10 Minggu)	x			x				x							
36	DAM23904	Amalan Tek. ***I		x		x				x			x			x	
37	DAM1**03	Amalan Tek. ***II		x						x			x				
38	DAM1**03	Amalan Tek. ***III		x						x							
39	DAM2**03	Amalan Tek. ***IV		x				x		x							
40	DAM2**03	Elektif I		x						x							x
41	DAM3**03	Elektif I		x						x							x
42	DAM3**03	Elektif I		x						x							X
43	DAM3**03	Elektif I		x						x							X

**PUSAT PENGAJIAN DIPLOMA
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

SPESIFIKASI PROGRAM

Kaedah Penyampaian

Program ini disampaikan menggunakan pelbagai kaedah untuk memenuhi hasil pembelajaran mata pelajaran dan secara am dapat menyediakan peluang pembelajaran secara berpusat. Kaedah-kaedah tersebut ialah:-

1. Kuliah
2. Sesi berorientasikan latihan dan aplikasi : kerja makmal, bengkel studio, lawatan tapak / kerja lapangan, demonstrasi, simulasi.
3. Seminar industri dan lawatan
4. Project Oriented Problem-based Learning (POPBL) / Pembelajaran berdasarkan kes
5. Projek
6. E-pembelajaran

Kaedah Penilaian

Penilaian secara formatif dan sumatif terdiri daripada:-

1. Peperiksaan bertulis
2. Ujian dan kuiz
3. Tugas
4. Pembentangan
5. Ujian praktikal
6. Laporan makmal
7. Peperiksaan Oral
8. Pemantauan kelompok dinamik, kemahiran
9. Buku log
10. Penilaian Industri

Syarat Penganugerahan Program

Syarat penganugerahan program ialah :

1. Pelajar memohon penganugerahan dan permohonannya mendapat perakuan Fakulti;
2. Telah lulus dalam semua mata pelajaran yang diwajibkan bagi keperluan program;
3. Memperoleh jumlah Kredit Dapat yang telah ditetapkan dan memperolehi Kedudukan Baik (KB);
4. Mendapat kepujian mata pelajaran Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia;
5. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan Borang Permohonan Penganugerahan Diploma dalam tempoh tertentu yang ditetapkan oleh Universiti;
6. Mendapat kelulusan dan pengesahan penganugerahan oleh Senat.



SPESIFIKASI PROGRAM

Peluang Kerjaya

Graduan mempunyai peluang kerjaya yang luas dalam industri sama ada di dalam negara atau di luar negara sebagai juruteknik mekanikal. Latihan industri yang diberikan akan memastikan graduan mampu memberi sumbangan yang besar di dalam bidang yang diceburi. Ketrampilan graduan akan dapat diserlahkan hasil daripada nilai-nilai kemahiran insaniah yang telah diterapkan. Selain daripada itu, dengan diploma yang dimiliki, graduan juga berpeluang bekerja sebagai penyelia operasi di mana-mana industri yang berkaitan sama ada di Malaysia atau di luar negara. Graduan juga layak menyambung pengajian di peringkat sarjana muda di mana-mana universiti sama ada di dalam atau di luar negara sekiranya memiliki keputusan akademik yang cemerlang. Akhir sekali, graduan yang mahu menceburi diri dalam bidang pengajaran boleh menjawat jawatan di institusi pengajian tinggi, institut kemahiran atau pusat latihan teknikal.

Maklumat Berkaitan

(Pensyarah / Fasilitators / Projek / Kumpulan sasaran / Yuran / dll)

1. Tenaga akademik:
 - i. Pensyarah yang mengajar mata pelajaran wajib universiti dan mata pelajaran sokongan adalah terdiri daripada staf akademik di Pusat Pengajian Sains (PPS), Pusat Pengajian Komunikasi dan Kemanusiaan (PPKK), dan Pusat Kokurikulum, Sukan dan Kebudayaan (PKSK). Pensyarah yang mengajar mata pelajaran teras dan pengkhususan program adalah terdiri daripada staf akademik di Pusat Pengajian Diploma.
 - ii. Pengajar yang akan mengajar mata pelajaran-mata pelajaran Amalan Kejuruteraan adalah terdiri daripada staf akademik yang pernah menceburi bidang pembuatan dan pengeluaran di sektor-sektor swasta.
2. Konsep Pendidikan:

Program ini adalah berkonsepkan sistem *practice-oriented* dan *Outcome Base Education (OBE)* di mana pelajar akan menjalani latihan secara teori dan praktikal di universiti selama 6 semester dan di industri selama 3 bulan.
3. Yuran
Kadar yuran bagi program ini adalah sebanyak RM 410.00 (Yuran Sekali Sepanjang Pengajian) dan RM 1333.00 (Yuran Berulang Per Semester)
4. PROFORMA fakulti boleh diperolehi dari laman web universiti, www.uthm.edu.my

Disediakan Oleh :

Disahkan Oleh :

.....
Prof. Madya Hj. Mohd Ashraf Othman
Ketua Jabatan Kejuruteraan Mekanikal
Pusat Pengajian Diploma
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Tel: 07-4538665
Tarikh : 1 April 2010

.....
Prof. Hj. Ab. Aziz Bin Abdul Latiff
Dekan
Pusat Pengajian Diploma
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
Tel: 07-4538557
Tarikh : 1 April 2010

